

BAB 7 : PERANAN WAKIL DEWAN PERNIAGAAN INDIA DALAM MAJLIS LEGISLATIF PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

Peniaga-peniaga, pedagang-pedagang, saudagar-saudagar dan orang India lain apabila mula melabur simpanan mereka di negara ini, mereka mula menganggap Tanah Melayu sebagai tempat tinggal mereka yang tetap dan tempat membesarkan anak-anak mereka. Oleh itu mereka mula tubuhkan persatuan-persatuan bagi menjaga kepentingan dan kebaikan mereka di bandar-bandar dan daerah-daerah yang besar di mana terdapat sejumlah besar orang India yang berpelajaran. Kepimpinan dalam persatuan-persatuan ini datangnya daripada ahli-ahli perniagaan yang berjaya dan mereka yang bekerja dalam bidang ikhtisas seperti peguam, doktor, jurutera dan sebagainya.

Oleh itu golongan berpendidikan termasuk para pedagang dan golongan ikhtisas bagi menjaga kepentingan mereka serta orang India yang lain telah mendesak kerajaan bagi memberi tempat bagi wakil orang India di Majlis Mesyuarat Persekutuan. Orang India yang pertama dilantik bagi tujuan itu pada tahun 1925 ialah P.K.Nambiyar, seorang peguam dari Pulau Pinang.¹ Ini menggalakkan Persatuan India Selangor untuk menganjurkan satu perjumpaan bagi semua orang-orang India di Negeri-negeri Melayu Bersatu (NNMB) bagi membuat rayuan kepada Gabenor Sir Lawrence Guillemard supaya dilantik seorang wakil India di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan.²

Dari hasil usaha Persatuan-persatuan India pada tahun 1928 S.N.Veerasamay, seorang peguam dari Kuala Lumpur dilantik dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan. Dia juga menjadi wakil orang India bagi Majlis Mesyuarat Negeri Selangor. Pada tahun yang sama Louis Thivy dilantik ke Majlis Mesyuarat Negeri Perak. Pada tahun 1932, Dr. S.R.Krishnan telah dilantik ke Majlis Mesyuarat Negeri Sembilan.³ Pihak kerajaan British telah

melantik wakil orang India untuk mewakili kepentingan-kepentingan orang India secara keseluruhan di negara ini.

Para peniaga, pedagang dan saudagar India juga menganggotai Persatuan-persatuan India. Mereka melalui wakil-wakil persatuan-persatuan India dalam Majlis Mesyuarat Negeri dan Majlis Perundangan Persekutuan telah memperjuangkan kepentingan dan kebaikan mereka. Sebelum parti-parti politik India ditubuhkan, golongan peniaga-peniaga telah menjadi wakil orang India dalam badan-badan kerajaan seperti Majlis-majlis Perbandaran, Jawatankuasa Immigresen, Lembaga Kebersihan Bandar (*Town Sanitory Board*) dan sebagainya. Dewan-dewan Perniagaan India secara langsung telah menghantar wakil mereka sebagai ahli tidak rasmi dalam Majlis Perundangan Persekutuan atau Majlis Legislatif Persekutuan ialah pada tahun 1949.⁴

Ahli-ahli Tidak Rasmi mewakili kepentingan-kepentingan ekonomi dan keturunan akan dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi.⁵ Dalam perlembagaan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah memperuntukkan bagi sebuah kerajaan pusat yang kuat dengan kuasa legislatif atau perundangan yang meluas. Jentera untuk melaksanakan ini terdiri daripada Pesuruhjaya Tinggi British yang dilantik oleh Baginda Permaisuri British, sebuah Majlis Eksekutif Persekutuan dan sebuah Majlis Legislatif (Perundangan) Persekutuan. Dalam Majlis Legislatif Persekutuan kesemua 11 orang ahli rasmi ialah orang Eropah dan di kalangan 50 orang ahli tidak rasmi, 22 orang ialah orang Melayu, 14 orang Cina, 7 orang Eropah, 5 orang India, seorang Eurasia dan seorang Sri Lanka.⁶

Wakil Dewan-dewan Perniagaan India dalam Majlis Legislatif Persekutuan pada tahun 1949 ialah S.O.K.Ubaidulla. S.O.K. Ubaidulla juga telah dipilih sebagai presiden Gabungan Dewan Perniagaan India pada tahun 1950.⁷ Dalam bab ini akan dibincangkan tentang peranan wakil Dewan Perniagaan India dalam Majlis Legislatif Persekutuan sehingga tahun 1957.

Walaupun wakil Dewan Perniagaan India dilantik untuk menjaga kepentingan golongan para pedagang India tetapi mereka juga telah memberikan sumbangan dalam memperjuangkan kepentingan dan kebajikan bagi golongan India secara umumnya. Dalam perbincangan ini akan dibincangkan peranan wakil Dewan Perniagaan India dalam aspek ekonomi, politik dan sosial. Tumpuan akan diberikan kepada isu-isu perdagangan dan perniagaan.

Peranan Ekonomi

Pembukaan kedai-kedai koperasi kerajaan bagi barang-barang kawalan telah dibincangkan dalam Majlis Persekutuan (*Federal Council*) bahagian kewangan oleh 10 ahli daripada 13 orang ahli pada tahun 1950.⁸ Usul ini telah ditentang oleh S.O.K.Ubaidulla yang merupakan ahli Majlis Legislatif dan juga presiden Gabungan Dewan Perniagaan India. Penentangan ini disebabkan kerana jika kerajaan melaksanakan usul ini, kerajaan terpaksa membelanjakan wang yang banyak pada peringkat percubaan perlaksanaannya dan tidak banyak membawa faedah kepada rakyat.

Lagipun S.O.K. Ubaidulla berpendapat apa juga perdagangan yang dijalankan oleh kerajaan pasti akan membawa kerugian di mana-mana negara pun. Oleh itu berpendapat pembukaan kedai koperasi akan membawa kerugian kepada kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Ini disebabkan jika perniagaan beras dikendalikan oleh peniaga, mereka dapat membeli dengan harga yang murah dan kerajaan dapat menjimatkan perbelanjaannya. Jika pembelian barang-barang kawalan secara catuan (*ration*) diserahkan kepada kedai-kedai koperasi kerajaan, harga beras dan gula yang dibeli oleh peniaga-peniaga akan naik. Oleh kerana kerajaan hanya mengendalikan penjualan barang-barang kawalan sahaja, harga barang-barang lain yang dibeli oleh rakyat daripada peniaga-peniaga akan naik. Lagipun kerajaan juga tidak mempunyai orang mahir, tempat yang sesuai dan ini juga akan mengganggu perjalanan perdagangan yang berjalan dengan lancar dalam negara.⁹

The Federated Malay State Chamber of Commerce juga sependapat dengan S.O.K. Ubaidulla tentang pembukaan kedai-kedai koperasi. Hal ini telah dibincangkan dalam laporan tahunan Dewan itu. Pada tahun 1950 catuan bahan makanan beras dan gula untuk orang awam telah dikendalikan oleh kerajaan. Peniaga-peniaga secara persendirian dilarang mengimport gula tetapi beras dibenarkan diimport oleh peniaga-peniaga Cina oleh kerajaan.¹⁰

Mulai 1 September 1950, perdagangan tepung gandum telah diserahkan oleh kerajaan kepada peniaga-peniaga tempatan.¹¹ 90% tepung gandum yang diperolehi oleh kerajaan Tanah Melayu di bawah Perjanjian Antarabangsa Gandum (*International Wheat Agreement*) telah dibahagikan di antara saudagar-saudagar mengikut kadar perdagangan mereka sebelum Perang Dunia Kedua. 10% daripada gandum itu diberikan kepada peniaga-peniaga baru.¹² Dewan-dewan Perniagaan berpendapat bahawa peniaga-peniaga mengendalikan perniagaan mereka lebih baik daripada kerajaan kerana orang awam dapat tepung yang berkualiti baik dan lebih segar dari cara catuan kerajaan kerana ia dibungkus dengan cara lebih baik.¹³

Bill Money Lender

Dalam Majlis Legislatif Persekutuan pada tahun 1951, Rang undang-undang *Moneylenders* telah dibacakan bagi kali kedua. Rang undang-undang ini adalah bagi mengubal Ordinan baru *Moneylenders*, iaitu membuat pindaan dalam undang-undang yang sedia ada tentang peminjaman wang.¹⁴ Walaupun memberikan pinjaman wang adalah sesuatu yang berfaedah dan berguna kepada pembangunan ekonomi tetapi kadang-kala ia membawa kesusahan dan rasa kurang selamat kepada golongan yang meminjam wang. Oleh itu kerajaan berpendapat ia harus dikawal. Rang undang-undang *Moneylenders* ini adalah berasaskan kepada undang-undang *English Moneylending Act of 1927*.¹⁵ Akta *Moneylenders* yang berasaskan Akta

Inggeris itu telah pun dilaksanakan di Trinidad, British Guiana, Negeria, Kenya, Fiji , North Borneo dan Hong Kong.¹⁶

Dalam Rang Undang-undang *Moneylenders* sesiapa yang terlibat dalam perniagaan pinjaman wang mesti ada lesen bagi setiap negeri-negeri Melayu atau Negeri-negeri Selat di mana seseorang itu menjalankan kegiatan meminjamkan wang supaya kegiatannya boleh dikawal. Dalam lesen itu akan tercatat nama orang yang terlibat dalam pinjaman wang dan alamat dia menjalankan perniagaannya. Permohonan lesen boleh ditolak dan jika ditolak boleh buat rayuan kepada Pesuruhjaya Majlis. Kalau pemberi pinjaman wang tidak mematuhi Ordinan *Moneylending*, lesen dia boleh digantung¹⁷ Rang undang-udnang ini juga melarang pemberi pinjaman wang mengiklankan kegiatan mereka supaya tidak menarik rakyat untuk meminjam wang. Tetapi pemberi pinjaman wang boleh memberitahu orang ramai tentang kegiatannya dan tempat dia menjalankan urusannya. Pemberi pinjaman wang harus meletakkan papan tanda yang menunjukkan dia seorang pemberi pinjaman wang dan tempat urusannya.

Pemberi pinjaman wang yang tidak berlesen tidak boleh membawa kes mereka ke mahkamah. Oleh itu mereka terpaksa tanggung risiko sendiri. Semasa urusan pinjaman wang dijalankan, surat perjanjian harus ditandatangi oleh kedua-dua pihak, iaitu pemberi dan peminjam yang mengandungi tarikh pinjaman dibuat, jumlah yang dipinjam dan kadar bunga. Kegiatan pinjaman wang harus direkod dalam buku akaun yang tetap.¹⁸

Rang undang-undang *Moneylenders* juga menetapkan bunga sebanyak 12% bagi pinjaman selamat (*secured loan*) dan 18% bagi pinjaman wang yang tidak selamat (*unsecured loan*).¹⁹ Banyak rayuan telah diterima daripada pemberi pinjaman wang yang terlibat kerana hanya 75% daripada pinjaman wang diberikan itu dapat dikutip balik. Oleh itu bagi 25% yang tidak dapat dikutip balik, mereka terpaksa kenakan bunga yang tinggi bagi

mengatasi kerugian mereka.²⁰ Tetapi bagi mencegah kadar bunga yang tinggi, rang undang-undang ini terpaksa dikuatkuaskan bagi menjaga kebijakan orang ramai. Jika surat perjanjian hutang tidak dapat difahami oleh peminjam wang, ia harus disertakan dengan surat peguam yang mencatatkan bahawa dia telah menerangkan kepada orang yang peminjam wang supaya peminjam wang tahu isi kandungan surat yang ditandatanganinya.²¹

Perlaksanaan *Bill Moneylenders* mendapat bantahan daripada orang-orang yang terlibat dalam kegiatan pinjaman wang kerana peraturan-peraturan baru akan menyulitkan dan menyusahkan perjalanan perniagaan mereka. Tetapi bagi melindungi orang miskin atau peminjam wang, rang undang-undang ini terpaksa dilaksanakan kerana ada kakitangan kerajaan yang tidak dapat hidup selesa dengan gaji mereka, terpaksa meminjam wang dan mereka terpaksa bayar bunga yang tinggi. Ini mengganggu kecekapan pekerjaan kakitangan kerajaan.²²

S.O.K.Ubaidulla sebagai wakil Dewan Perniagaan India dalam Majlis Legislatif Persekutuan berpendapat *Bill Moneylenders* ini hanya berfokus untuk menjaga kebijakan peminjam-peminjam wang dan tidak menitikberatkan tentang golongan pemberi pinjaman wang. Oleh itu tanpa mengkaji atau meneliti pendapat kedua-dua pihak terlibat, menentang golongan pemberi pinjaman wang adalah sesuatu tidak adil. Walaupun S.O.K. Ubaidulla tidak setuju dengan cara setengah orang pemberi pinjaman wang menjalankan urusan mereka tetapi golongan pemberi pinjaman wang telah memainkan peranan penting dalam kemajuan ekonomi Tanah Melayu kerana golongan ini merupakan pemodal-pemodal kepada kebanyakan peladang-peladang Eropah ataupun Cina serta bidang-bidang kegiatan ekonomi yang lain. S.O.K. Ubadiulla menyokong pengenalan lesen perniagaan pinjaman wang supaya pemberi pinjaman wang tidak menjadi kaya dengan menindas orang miskin tetapi dalam masa yang sama rang undang ini harus memastikan

golongan pemberi pinjaman wang tidak mengalami kerugian atau kesusahan.²³

D.M.R.M.Alagappa Chettiar, seorang hartawan terkemuka dalam industri teknik dan pengarah *Indian Overseas Bank* dari India telah menemui Pesuruhjaya Tinggi British mengenai *Bill Moneylenders* yang telah diluluskan dalam Majlis Legislatif pada hujung tahun 1951 dan belum dikuatkuasakan lagi. Alagappa Chettiar berpendapat fasal-fasal yang ketat dalam Ordinan tersebut akan membawa kesan yang buruk kepada kaum peniaga terutamanya kepada golongan Chettiar, iaitu yang merupakan golongan bank tradisional dan simpanan buku akaun atau kira-kira mereka telah diterima oleh semua orang. Pesuruhjaya Tinggi British berjanji akan meneliti Ordinan tersebut supaya tidak membawa kesan yang buruk kepada golongan pemberi pinjaman wang.²⁴

Ordinan *Moneylenders* telah dikuatkuasakan mulai April 1952.²⁵ Ordinan ini telah dikuatkuasakan bagi mencegah penindasan ke atas peminjam wang dari pemberi pinjaman wang yang tidak jujur. Oleh itu Ordinan ini secara umumnya telah membawa kebaikan kepada semua pihak. Pendapat S.O.K.Ubaidulla tentang Ordinan *Moneylenders* membuktikan bahawa wakil Dewan Perniagaan India juga memperjuangkan kepentingan dan kebijakan golongan lain.

Pendaftaran Perniagaan

Pada tahun 1953, pindaan dalam Ordinan Pendaftaran dan pemberian lesen perniagaan (*Registration and Licensing of Businesses*) telah dibincang dalam Majlis Legislatif Persekutuan. Ordinan ini mempunyai implikasi yang mendalam dalam politik pada masa itu. Pengaruh kuat Ordinan ini merupakan salah satu sebab yang telah menyebakan parti *Malayan Chinese Association* (MCA) keluar dari parti *Independence of Malaya Party* (IMP) kerana Dato' Onn tidak menyokong pembubaran ordinan ini.²⁶ Pindaannya telah dibacakan oleh setiausaha kewangan dan wakil Dewan

Perniagaan India, S.O.K. Ubaidulla telah mengemukakan pendapat beliau dalam perkara-perkara yang difikirnya perlu dibuat perubahan.²⁷

Pendaftaran Perniagaan telah mula dibuat sebelum Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu. Pada tahun 1937, Pengutip Cukai Ladang Negeri-negeri Melayu Bersekutu (*Collector of Estate Duty, FMS*) telah mengemukakan cadangan kepada kerajaan untuk memperkenalkan pendaftaran wajib perniagaan.²⁸ Rang undang-undang tentang pendaftaran Perniagaan telah dirangka dan sebuah jawatankuasa telah dilantik oleh Pesuruhjaya British untuk mengkaji rang undang-undang tersebut dan mengemukakan pendapat mereka. Jawatankuasa ini terdiri daripada pengawai-pegawai, ahli-ahli peniaga Eropah, Cina dan India. *Bill* ini telah disiarkan dalam Warta Kerajaan (*Government Gazette*) pada 14 April 1938 dan diluluskan menjadi undang-undang Enakmen Pendaftaran Perniagaan (*Registration of Businesses Enactment*) pada tahun 1939.²⁹ Pendaftaran perniagaan mula dilakukan pada tahun 1940 dan pada akhir tahun 1941, hampir kesemua perniagaan telah didaftarkan.³⁰

Semasa Pendudukan Jepun, fail-fail pendaftaran telah hilang. Oleh itu kerajaan mula melakukan pendaftaran perniagaan yang baru dari mula dan juga disebabkan perubahan dalam perlombongan Tanah Melayu, iaitu Negeri-negeri Melayu disatukan dalam pentadbiran Malayan Union, Ordinan Pendaftaran Perniagaan 1947 (*Registration of Businesses Ordinance 1947*) telah dikuatkuasakan dari 1 April 1947.³¹ Perniagaan-perniagaan yang perlu didaftarkan ialah perniagaan pinjaman wang, perniagaan perlombongan yang mempunyai lebih dari 20 orang pekerja, ladang-ladang getah yang lebih daripada 50 ekar, kedai-kedai pajak gadai, tukang emas dan barang kemas.³² Pada 30 Jun 1947, perniagaan-perniagaan seperti perniagaan pelbagai barang dan barang-barang runcit, pengimport, pengeksport, agen komission, saudagar-saudagar kilang papan, kayu-balak dan kayu api telah mulai

didaftarkan dan mulai 31 Januari 1948 semua jenis perniagaan wajib daftar.³³

Pendaftar-pendaftar Perniagaan telah pergi ke Dewan-dewan Perniagaan, bandar-bandar dan bandar-bandar kecil untuk mendaftarkan perniagaan ahli-ahlinya.³⁴ Jenis-jenis dan bilangan perniagaan yang didaftarkan pada tahun 1949 adalah seperti yang diyatakan dalam jadual di bawah.

Jadual 14: Analisis Bilangan Perniagaan yang didaftarkan pada tahun 1949 .

Perniagaan Bulan	Kedai Emas & Barang kemas	Periom - bongan	Perniaga- an Pinjaman Wang	Pajak Gadai	Ladang Getah	Perniagaan Pelbagai Barang & Barang runcit.	Agen Kommisi- on Pengeksp- ort Pengimpo- rt	Kilan g Papan Kayu Balak & Api	Perniagaan lain
Januari & Februari	24	13	16	3	33	224	15	11	633
Mac	15	17	32	2	13	117	30	9	262
April	8	8	18	3	2	71	15	4	178
Mei	7	22	16	1	12	100	17	6	178
Jun	5	6	21	-	4	74	13	7	221
Julai	5	10	19	1	4	61	18	4	150
Ogos	5	5	12	1	9	78	15	4	177
September	4	7	17	-	11	52	10	5	123
Okttober	7	7	11	-	5	59	14	4	135
November	3	12	18	1	8	64	8	6	127
Disember	10	14	7	1	19	100	21	9	337
Jumlah	10	121	187	13	120	1000	176	69	2521

Sumber: Fail P/PERN 1: Annual Report Registry of Businesses 1949, 1949, hlm.1.

Pada tahun 1953 pindaan dibuat dalam bayaran pendaftaran perniagaan. Sebelumnya bayaran pendaftaran bagi perniagaan rakan perkongsian adalah lebih daripada perniagaan persendirian. Ini berdasarkan dengan anggapan bahawa perniagaan yang dikendalikan oleh rakan

perkongsian mempunyai kelebihan kerana ia diuruskan oleh lebih dari seorang, oleh itu ia akan membawa lebih keuntungan daripada perniagaan persendirian. Tetapi dalam ordinan ini tidak diambil perhatian ialah rakan perkongsian dalam perniagaan Asia selalunya hanya akan meyumbangkan modal atau kapital sahaja dan kebanyakannya pemodal tidak ada hubungan dengan kegiatan harian perniagaan.³⁵ Ini berlainan dengan negara Britain kerana rakan perkongsian memainkan peranan aktif dalam kegiatan perniagaan. Dalam Ordinan yang sedia ada kalau rakan perkongsian itu 100 orang, yuran pendaftaran ialah \$10,000, iaitu seorang \$100, manakala perniagaan persendirian walaupun dimulakan dengan modal yang banyak, yuran pendaftaran perniagaan adalah tidak lebih daripada \$100.³⁶

Dalam pindaan baru dicadangkan perniagaan perkongsian yang tidak bergabung (*incorporated*), yuran pendaftaran harus ditetapkan \$100 seorang rakan perkongsian dan maksimum adalah \$300 di kawasan bandar manakala kawasan luar bandar maksimum ialah \$75.³⁷

S.O.K. Ubaidulla tidak puas hati dengan dasar kerajaan kerana semasa Ordinan Pendaftaran dan Lesen Perniagaan dalam penggubalan, para ahli perniagaan telah merayu kepada kerajaan untuk mempertimbangkannya. Mereka berpendapat ia merupakan sesuatu yang tidak dirancang dengan teliti. Kerajaan beranggapan bahawa rang undang-undang yang diluluskan dalam Majlis Legislatif pasti diterima oleh semua orang dan S.O.K.Ubaidulla berpendapat kerajaan telah membuat kesilapan besar kerana tidak memikir secara mendalam sebelum *Bill* ini dilaksanakan. S.O.K.Ubaidulla juga berpendapat di negara ini dasar cukai dilaksanakan tanpa berbincang dengan komuniti yang membayar cukai tersebut, iaitu terutamanya golongan peniaga. Dalam *Taxation Advisory Committee* tidak ada wakil daripada ahli-ahli perniagaan. S.O.K.Ubaidulla berpendapat ini mungkin disebabkan kerajaan berpendapat bagi negara ini “*no taxation without representation*” tidak sesuai.³⁸

Dalam Ordinan baru ini kerajaan tanpa mengambil kira jenis perniagaan menetapkan bayaran pendaftaran yang sama bagi semua perniagaan di bandar dan luar bandar. Ada perniagaan kecil di bandar dengan taraf perniagaannya seperti di luar bandar, manakala ada perniagaan di luar bandar yang tarafnya seperti di bandar, iaitu ada perniagaan yang mendapat keuntungan yang banyak dan ada perniagaan yang mengalami kerugian tetapi semua harus membayar yuran pendaftaran yang tetap.³⁹ Begitu juga dengan perniagaan persendirian dan rakan perkongsian. Ada perniagaan rakan perkongsian mengalami kerugian dan ada perniagaan persendirian yang mendapat keuntungan yang banyak tetapi perniagaan rakan perkongisan yang perlu bayar yuran pendaftaran yang lebih.

Kerajaan telah membuat anggaran bahawa sebanyak 90,000 perniagaan terdapat di Tanah Melayu dan 10% daripadanya dalam keadaan membimbangkan tetapi S.O.K. Ubaidulla berpendapat 40% perniagaan dalam keadaan yang membimbangkan.⁴⁰ Oleh itu S.O.K.Ubaidulla berpendapat Ordinan ini akan terus menjadi tidak popular di kalangan golongan perniaga dan terus mendapat bantahan daripada mereka.

Ahli tidak rasmi dalam Majlis Legislatif, Leung Cheung Ling juga menyokong pendapat yang dikemukakan oleh S.O.K.Ubaidulla kerana semenjak Ordinan ini dikuatkuasakan banyak kedai telah ditutup dan ada yang merancang untuk menutupkan perniagaan mereka di bandar-bandar. Di kawasan Kampung-kampung Baru yang baru ditubuhkan kerana Darurat, menyebabkan orang Cina yang baru berpindah di kawasan itu bergantung kepada pertolongan kebajikan daripada kerajaan atau organisasi-organisasi sosial. Mereka dengan bantuan yang diterima ada yang mendirikan kedai-kedai kecil atau gerai-gerai. Kalau mereka dikenakan bayaran lesen dan pendaftaran yang tinggi, mereka terpaksa menutup perniagaan mereka.

Di Kampung-kampung Baru hanya ada sebuah kedai sahaja untuk satu-satu perkhidmatan. Oleh itu jika pekedai-pekedai itu menutup perniagaan mereka, ia akan menyusahkan orang ramai. Oleh itu Leung Cheung Ling berharap pindaan Ordinan Pendaftaran dan Lesen Perniagaan tidak menyusahkan golongan peniaga.⁴¹

Cadangan pindaan yang dicadangkan oleh S.O.K.Ubaidulla walaupun tidak diterima oleh Setiausaha Kewangan tetapi SOK Ubaidulla berpendapat kerajaan harus mempertimbangkan cadangan-cadangannya.⁴²

Pendapatan yang diperolehi daripada Rang Undang-undang Pendaftaran dan Lesen Perniagaan 1952 (*The Registration and Licensing of Business Bill*) akan digunakan bagi Tabung Kemajuan Pendidikan (*Education Development Fund*). S.O.K.Ubaidulla berpendapat kerajaan harus menggunakan pendapatan negara bagi perbelanjaan negara termasuk pendidikan. Bagi Kemajuan Pendidikan Kebangsaan semua rakyat harus bertanggungjawab dan wang daripada semua rakyat atau pendapatan awam harus digunakan bagi kemajuannya dan bukannya komuniti peniaga sahaja harus dipertanggungjawabkan kepada kebajikan pendidikan. Dalam pelbagai cara golongan peniaga secara sukarela dan murah hati telah memberikan sumbangn bagi perkara-perkara baik kerajaan.⁴³

Golongan peniaga membantu pelbagai kegiatan sukarela seperti sekolah, menanggung hospital bersalin, membantu badan-badan sukan, membantu kerja-kerja kebajikan, menderma bagi institusi-institusi agama, menyokong kelab-kelab kebudayaan dan memberikan sumbagan bagi Universiti Malaya. Oleh itu tidak adil golongan peniaga sahaja yang menjadi sasaran untuk memperolehi pendapatan baru.⁴⁴ Golongan peniaga yang baru ingin masuk dalam bidang perniagaan akan menjadi mangsa Rang Undang-undang Pendaftaran dan Perlesenan serta membebankan kedai-kedai kecil yang dijalankan oleh buruh-buruh secara sambilan di ladang-ladang.⁴⁵

S.O.K.Ubaidulla kerajaan harus cuba untuk memperolehi pendapatan dengan cara lain seperti mencukai kereta-kereta import. Ini kerana kereta-kereta import dijual kepada orang kaya hampir sama harga dengan harga kilang. Kalau tidak ada cara lain untuk memperolehi pendapatan, kerajaan harus mengurangkan perbelanjaan.⁴⁶

Ordinan Kawalan Sewa

Pada November 1954 dalam Majlis Legislatif telah membincangkan tentang Ordinan Kawalan Sewa (*Control of Rent Ordinance, Extension of Period*) dan tempoh lanjutannya. Ordinan ini diperkenalkan pada tahun 1948 untuk mengatasi kekurangan tempat kediaman pada masa itu, iaitu semasa Malayan Union.⁴⁷ Pada awalnya Ordinan ini diperkenalkan hanya untuk 12 bulan sahaja tetapi setiap tahun tempoh Ordinan ini telah dilanjutkan sehingga pada tahun 1954. Pada tahun 1954 ia dilanjutkan mulai 31 Januari 1955 untuk 12 bulan lagi.⁴⁸

Sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengkaji Ordinan itu pada September 1954 bagi membuat pindaan. Hasil kajian dan cadangan jawatankuasa tersebut telah dibahaskan dalam Majlis Legislatif pada November 1954. Jawatankuasa tersebut telah mencadangkan supaya tidak perlu lagi perlaksanaan kawalan sewa diawasi oleh Majlis Daerah, Majlis Perbandaran dan Lembaga Luar Bandar (*Rural Board*).⁴⁹

S.O.K.Ubaidulla berpendapat jika poster-poster dipaparkan di papan kenyataan bandar dan luar bandar atau disiarkan dalam suratkhabar bahawa terdapatnya rumah-rumah kediaman dan kedai-kedai perniagaan untuk disewa, sambutan orang ramai untuk menyewa tempat-tempat tersebut akan membuktikan perlunya Ordinan Kawalan Sewa. Selain itu selepas Perlembagaan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, bangunan-bangunan baru yang dibina hampir keseluruhan boleh dikatakan tempat-tempat kediaman dan darinya tidak sampai 5% tempat perniagaan. Oleh kerana kekurangan tempat-tempat kediaman dan perniagaan, maka kawalan sewa ke

atas tempat-tempat tersebut tidak boleh dimansuhkan tetapi S.O.K.Ubaidulla setuju untuk kenaikan sewa yang berpatutan.⁵⁰

Jawatankuasa itu juga telah mencadangkan jika tempat-tempat perniagaan terpaksa dilepaskan oleh peniaga-peniaga, mereka harus diberikan bantuan dan diberikan notis bagi tempoh masa 12 bulan untuk membuat rancangan yang sepatutnya dengan berbincang dengan tuan tanah (*landlord*) atau mencari tempat perniagaan yang lain.⁵¹ S.O.K.Ubaidulla berpendapat kedua-dua cara tersebut pasti akan merosakkan perniagaan yang telah dibina lama atau sepanjang hayat oleh peniaga. Jika tuan tanah menaikkan sewa yang tinggi, peniaga-peniaga terpaksa mencari tempat-tempat perniagaan lain seperti Petaling Jaya dan terpaksa bermula dari awal.⁵²

Selain itu jawatankuasa tersebut berpendapat kenaikan sewa tidak akan menyebabkan kenaikan harga barang-barang. Tetapi S.O.K.Ubaidulla tidak berpendapat sedemikian kerana hanya ada sedikit sahaja perniagaan-perniagaan yang besar yang tidak akan mengalami kesan daripada kenaikan sewa. Bagi kebanyakan tempat perniagaan, sewa merupakan 1/6 atau 1/16 daripada perbelanjaan mereka.⁵³ Oleh itu untuk mengatasi perbelanjaan mereka, peniaga-peniaga terpaksa menaikkan harga barang-barang. Jawatankuasa juga telah mencadangkan kenaikan sewa khas kepada perniagaan-perniagaan yang menguntungkan. S.O.K.Ubaduilla berpendapat ia tidak sesuai kerana tidak seorang pun boleh meramalkan masa depan perniagaan kerana keuntungan tidak tetap. Jika sewa dinaikkan pada tahun perniagaan untung, ia juga harus dikurangkan pada tahun perniagaan mengalami kerugian.⁵⁴

Selain itu ahli Majlis Legislatif, Leung Cheung Ling juga berpendapat kekurangan tempat-tempat perniagaan terutamanya di kawasan Kuala Lumpur. Peniaga-peniaga yang ingin mendapat kedai-kedai atau tempat-tempat perniagaan terpaksa bayar ‘wang kopi’. Selain dari pengenalan

Ordinan Pendaftaran dan Perlesenan dan *levi* bagi duti kastam yang baru bagi barang import telah membebankan para peniaga.

S.O.K.Ubaidulla sebagai seorang wakil Dewan Perniagaan India telah memperjuangkan kepentingan para peniaga dalam Majlis Perundangan Persekutuan. Beliau telah memberikan pendapat-pendapat yang bernalas tentang sektor ekonomi dalam menghujahkan pendapatnya.

Peranan Sosial

Wakil Dewan Perniagaan India dalam Majlis Legislatif telah memainkan peranan aktif dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan ekonomi. Selain dari ekonomi wakil Dewan Perniagaan India juga telah memainkan peranan penting dalam hal-hal yang berkaitan dengan sosial.

Pembantu-pembantu Kedai

Pada tahun 1941, kerajaan telah memperkenalkan Rang Undang-undang Pembantu Kedai (*The Shop Assitants Bill*). Rang undang-undang ini mengandungi waktu kerja maksimum bagi pembantu-pembantu kedai sehari ialah 9 jam dengan masa rehat yang cukup untuk makan dan sehari cuti dalam seminggu. Selain itu semua majikan harus memberikan 7 hari cuti dalam setahun dengan gaji yang penuh. Dalam Rang ini, dilarang pembantu kedai tinggal dan tidur di tempat kerja. Gaji diberikan secara mingguan atau sebulan sekali. Rang undang-undang ini lebih kurang sama dengan yang diperkenalkan di Sri Lanka dan Bombay.⁵⁵

Dalam Majlis Legislatif Persekutuan kepada tahun 1949, S.O.K.Ubaidulla telah membangkitkan keadaan tempat dan waktu kerja pembantu-pembantu kedai. Walaupun Rang undang-undang ini telah dibahasakan dan ingin dikuatkuasakan pada tahun 1941 tetapi oleh kerana Pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah menyebabkan ia terbantut perlaksanaanya. Oleh itu S.O.K.Ubaidulla mewakili ahli-ahli Dewan

Perniagaan India mendesak kerajaan menguatkuaskan Rang undang-undang tersebut. S.O.K.Ubaidulla berpendapat pembantu kedai juga memainkan peranan penting dalam kegiatan ekonomi negara kerana mereka terlibat secara langsung dengan industri pengeluaran atau pengedaran barang-barang perniagaan. Kemesraan pembantu-pembantu kedai akan memajukan ekonomi negara.

Rang undang-undang ini telah dilaksanakan di Sri Lanka, India dan juga Singapura dan ia harus dilaksanakan di Tanah Melayu. S.O.K.Ubaidulla mencadangkan supaya menggubal undang-undang waktu kerja sehari ialah 8 jam dan bekerja selama lima setengah hari seminggu. Organisasi Buruh Antarabangsa (*International Labour Organisation*) telah mengeluarkan kenyataan bahawa seorang pekerja di Tanah Melayu tidak perlu bekerja lebih dari 8 jam sehari. Oleh itu kerajaan dengan mengambil-kira kenyataan tersebut harus selaraskan waktu kerja pembantu-pembantu kedai dan perlaksanaan Rang undang-undang itu tidak akan membebankan kerajaan dan Jabatan Buruh harus memastikan Rang undang-undang itu dilaksanakan.⁵⁶

S.O.K.Ubaidulla menyatakan Rang undang-undang itu telah mendapat sokongan dan kerjasama yang baik dari komuniti saudagar, iaitu 80% hingga 90% saudagar India telah menerima baik rang undang-undang tersebut. Kebanyakan Dewan-dewan Perniagaan India telah mengarahkan ahli-ahlinya melaksanakan rang undang tersebut dan ada yang menjadikan ia sebagai undang-undang tidak bertulis dan mematuhiinya. Tetapi rang undang-undang itu perlu dikuatkuasakan kerana ada setengah majikan tidak mengikut keputusan majoriti dan saudagar-saudagar tersebut bersikap tamak dan bertindak tidak perikemanusiaan terhadap para pembantu kedai mereka. Pembantu-pembantu kedai bangun awal pagi dan bekerja sehingga larut malam. Mereka makan waktu yang tidak tertentu di penjuru-penjuru kedai sahaja serta mereka tidak ada masa untuk menulis surat kepada orang yang tersayang dan tidak ada masa lapang untuk berhibur. Cuti sehari atau dua hari dalam setahun pun mereka habiskan mengikut kehendak majikan.

S.O.K.Ubaidulla berpendapat pembantu-pembantu kedai juga mempunyai harga diri.⁵⁷

Pendapat S.O.K.Ubaidulla tentang Rang undang-undang Pembantu-pembantu Kedai mendapat sokongan Ahli Tidak Rasmi, Tan Siew Sin. Tan Siew Sin juga berpendapat Undang-undang Buruh menggariskan bahawa buruh-buruh tidak harus kerja lebih dari 6 hari seminggu dan lebih kurang 6 jam secara berterusan. Waktu kerja lebih daripada itu harus dikira sebagai *overtime*. Sektor ladang, industri perlombongan dan kerajaan telah memberikan buruh kasar mereka cuti tahunan yang bergaji. Tan Siew Sin juga berpendapat perubahan politik selepas Perang Dunia Kedua telah membawa perubahan kepada gaji dan waktu kerja maksimum kepada penduduk Asia Tenggara. Oleh itu sebagai seorang wakil majikan Tan Siew Sin berpendapat mereka harus menerima perubahan dengan baik sebelum dipaksa diterima.⁵⁸

Tan Siew Sin juga berpendapat pembantu-pembantu kedai tidak mendapat pembelaan sewajar dan mereka dalam kedudukan yang lemah. Pertubuhan Majikan Industri Perladangan Tanah Melayu (*The Malayan Planting Industries Employers*) telah pun mengarahkan ahli-ahlinya memberikan dua minggu cuti tahunan dengan gaji penuh kepada kakitangan mereka.⁵⁹ Ini membuktikan pendapat-pendapat yang membina dari S.O.K. Ubaidulla diterima dengan baik oleh semua pihak.

Kemudahan kereta api

Dalam Majlis Legislatif pada tahun 1948 telah dibincangkan tentang cara-cara memperbaiki sistem pengangkutan kereta api. S.O.K.Ubaidulla telah membincangkan tentang kemudahan-kemudahan yang kurang memuaskan dalam perkhidmatan kereta api. Dalam pembukaan ucapannya S.O.K.Ubaidulla memulakanya dengan,⁶⁰

..... "after so many years since the cessation of war, that an attempt be made to improve the condition of accommodation and to increase the facilities of travel to the third dan second class passengers of the Railway. So that people might not believe that the authorities are wearing a monocle and with an eye they see what they want to see and with the other they do not see what they do not want see."

S.O.K.Ubaidulla berpendapat kerajaan sebelum ini tidak bersungguh-sungguh untuk memperbaiki kemudahan pengangkutan kereta api. Tempat duduk kelas kedua dan ketiga terlalu sesak. Dalam gerabak kereta api kelas ketiga yang bersaiz 54 dan 50 kaki persegi dan kelas kedua yang bersaiz 42 dan 60 kaki persegi dipenuhi dengan penumpang 86 hingga 108 orang. Manakala dalam kelas pertama hanya ada 24 kerusi sahaja dan penumpangnya sangat selesa. Menurut pendapat S.O.K.Ubaidulla kesesakan dalam kelas-kelas bawahan tidak sesuai dengan sistem pengangkutan moden serta ketinggalan zaman. Di United Kingdom dan negara-negara maju yang lain, tempat duduk semua kelas bermutu baik dan bertaraf (*standard*) dan perbezaan di antara kelas-kelas tidak ketara. Tetapi di Tanah Melayu tempat duduk dalam keretapi masih kerusi rotan dan papan sebagaimana terdapat pada peringkat permulaan pengenalan kereta api di Tanah Melayu. Tempat duduk dan ruang yang selesa sangat penting kepada para penumpang.⁶¹

S.O.K.Ubaidulla juga kurang puashati dengan kebersihan kereta api. Gerabak kelas ketiga merupakan pembawa pelbagai penyakit kerana dari Kuala Lumpur ke Singapura dengan penumpang yang terlalu sesak hanya mempunyai dua bilik kecil yang digunakan sebagai bilik air, tandas dan tempat minum air. Selain itu tempat tidur teratas dalam gerabak kelas kedua terlalu dekat dengan siling dan penumpang tidak mendapat udara yang segar walaupun ada dua kipas siling

Oleh itu S.O.K.Ubaidulla mencadangkan kepada jabatan kereta api untuk menambahkan kipas, tangga, besin cuci yang berasingan dalam kelas kedua. Lain-lain kemudahan atau pembaharuan yang dicadangkan oleh S.O.K.Ubaidulla ialah gerabak tidur dan kipas untuk semua, pengenalan lampu yang lebih terang, kerusi kusyen dalam kelas-kelas bawahan, mengurangkan tempat duduk dalam kelas kedua dan ketiga, kebersihan yang lebih baik dengan air yang cukup, hospital jabatan kereta api, kawalan harga bahan makanan dan minuman yang dijual dalam kereta api dan di stesen-stesen kereta api dan sebagainya.⁶²

S.O.K.Ubaidulla juga menyentuh tentang laporan Jabatan Kereta api yang menyentuh bahawa pendapatannya kurang daripada peningkatan perbelanjaan. Masalah ini disebabkan kerana mengabaikan penumpang-penumpang kelas ketiga yang menyumbangkan pendapatan yang terbanyak. Hanya membawa penumpang yang ramai dan tambahan gerabak tidak akan meningkatkan pendapatanya tetapi menambahkan kemudahan dalam kelas kedua dan ketiga akan menyebabkan perkhidmatan kereta api lebih popular atau masyhur. Perkembangan perdagangan dan perindustrian turut akan meningkatkan hasil pendapatan jabatan kereta api.⁶³

S.O.K.Ubaidulla juga memberikan cadangan tentang Lembaga Penasihat Kereta api (*Railway Advisory Board*) dan Lembaga Penasihat Pengangkutan (*Transport Advisory Board*). Ahli-ahli dalam Lembaga Penasihat Keretapi harus ditambahkan dan ahli-ahlinya terdiri daripada mereka yang terlibat dalam pelbagai kegiatan ekonomi supaya pendapatan mereka dapat memperbaiki mutu perkhidmatan kereta api. Selain itu dicadangkan juga ahli Lembaga Penasihat Pengangkutan menambahkan ahli-ahlinya dan ahli-ahlinya perlu juga terdiri dari wakil-wakil buruh dan peniaga-peniaga untuk memberikan nasihat tentang perkhidmatan bas, feri atau lain-lain pengangkutan.⁶⁴

Wakil Dewan Perniagaan India juga memberikan perhatian dalam hal-hal sosial masyarakat selain daripada kegiatan perniagaan. S.O.K.Ubaidulla telah memperjuangkan kebajikan bagi semua rakyat. Ini dapat dilihat daripada pendapat-pendapat dan saranan-saranan yang diberikan oleh S.O.K.Ubaidulla.

Peranan Politik

Pada tahun 1949 dalam Majlis Legislatif Persekutuan telah diadakan perbincangan tentang Memorandum Skim Pembayaran Gantirugi Perang Tanah Melayu. Memorandum ini telah digubal oleh jawatankuasa yang terdiri daripada ahli-ahli *Ex-Officio*, iaitu yang terdiri daripada peguam negara, setiausaha kewangan, penasihat ekonomi dan lain-lain ahli yang dipilih oleh ex-officio.⁶⁵ S.O.K.Ubaidulla sebagai wakil Dewan Perniagaan India dalam Majlis Legislatif telah mempersoalkan pemilihan ahli-ahli jawatankuasa dalam Memorandum Skim Pembayaran Gantirugi Perang Tanah Melayu. Ahli-ahlinya sepatutnya dipilih dalam mesyuarat tetapi ahli-ahli Ex-Officio telah memilih ahli-ahli dengan budi-bicara mereka sendiri dan ini telah menimbulkan rasa kurang puas hati di kalangan ahli-ahli Legislatif. S.O.K.Ubaidulla meminta pihak kerajaan memberi peluang kepada ahli-ahli Majlis bagi mencalonkan nama ahli-ahli bagi sesebuah jawatankuasa.

Pihak kerajaan menjelaskan bahawa memang ahli-ahli jawatankuasa sepatutnya dicalonkan dalam mesyuarat majlis tetapi bagi memudahkan kerja, cadangan telah dibuat supaya jawatankuasa itu dipilih oleh kerajaan dan bukan Majlis Mesyuarat Kerja.⁶⁶ Ini menunjukkan bahawa wakil Dewan Perniagaan India juga telah memperjuangkan hak ahli-ahli Majlis.

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

Wakil Dewan Perniagaan India di Majlis Legislatif menyokong dan memuji usul Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 yang

digubal sempena ke arah kemerdekaan Tanah Melayu. Usul perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah dibentangkan dalam Majlis Legislatif pada Julai 1957 oleh Tunku Abdul Rahman dan tarikh kemerdekaan telah ditetapkan pada 31 Ogos 1957.⁶⁷


Wakil Dewan Perniagaan India, S.O.K.Ubaidulla berpendapat Perlembagaan berjaya digubal disebabkan tolak-ansur di antara parti-parti Perikatan, iaitu disebabkan pandangan Umno terhadap masa hadapan Tanah Melayu dan kebijaksanaan Malayan Chinese Association (MCA) dan MIC serta kejujuran Perdana Menteri, iaitu Tunku Abdul Rahman. S.O.K.Ubaidulla juga berpendapat Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu akan mencapai objektifnya jika orang Melayu dan bukan Melayu menganggap diri mereka rakyat Tanah Melayu. Ini dinyatakan seperti berikut,⁶⁸

"The Constitution can undergo any noteworthy change only when the Malays and the Malayans come to call themselves by a common national name. Till then the present Constitution must sustain itself on the goodwill and tolerance of all the communities living in this country"

S.O.K.Ubaidulla juga telah mengucapkan tahniah bagi pihak komuniti peniaga India kepada Parti Perikatan kerana dapat mencapai kemerdekaan dalam masa yang singkat serta menawarkan kerjasama para peniaga India untuk *nation building* Tanah Melayu. S.O.K.Ubaidulla juga berpendapat negara memerlukan taat setia tidak berbelah bagi rakyatnya sebagaimana dicadangkan oleh Reid.⁶⁹

S.O.K.Ubaidulla berpendapat, *"If we look to our future with this of generosity, we have nothing to fear, Malaya can became the "Switzerland of Asia" in every respect."*⁷⁰ Ini menunjukkan S.O.K.Ubaidulla berpendapat Tanah Melayu boleh menjadi sebuah negara yang maju di Asia jika semua kaum bekerjasama dalam membangunkan negara yang merdeka.

Gambar 6: S.O.K.Ubaidulla



Sumber: Risalah Jubli Intan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Kuala Lumpur dan Selangor 1989, Kuala Lumpur: Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Kuala Lumpur dan Selangor, 1989.

Kesimpulan

Dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, kerajaan telah mempunyai kerajaan pusat yang mempunyai kuasa yang luas. Kerajaan pusat ini terdiri daripada Pesuruhjaya Tinggi British, sebuah Majlis Eksekutif Persekutuan dan sebuah Majlis Legislatif Persekutuan. Ahli-ahli Majlis Legislatif Persekutuan mewakili pelbagai kegiatan ekonomi dan kaum. Dalam Majlis Legislatif Persekutuan pada tahun 1949, wakil golongan peniaga India ialah S.O.K.Ubaidulla.

Sebelum Majlis Legislatif Persekutuan, wakil-wakil peniaga-peniaga India telah menjadi wakil atau ahli dalam pelbagai badan kerajaan seperti Jabatan Imigresen, Jawatankuasa Pelabuhan, Lembaga Kebersihan Bandar dan sebagainya. Mereka ini mewakili golongan orang India dalam badan-badan tersebut.

S.O.K.Ubaidulla dalam Majlis Legislatif Persekutuan telah memainkan peranan penting mewakili golongan peniaga India. Walaupun beliau mewakili golongan peniaga India dan dia sendiri merupakan seorang peniaga tetapi beliau telah memainkan peranan yang aktif dalam semua perkara yang dibincangkan dalam Majlis Legislatif Persekutuan. Pendapat-pendapat dan saranan-saranan yang diberikan oleh S.O.K.Ubaidulla adalah untuk kebaikan semua pihak dan kaum.

Salah satu rang undang-undang yang penting bagi golongan peniaga yang telah dibincangkan dalam Majlis Legislatif Persekutuan ialah Rang undang-undang *Moneylenders*. Rang undang-undang ini telah menimbulkan pelbagai reaksi daripada semua pihak. Orang yang terlibat dalam memberi pinjaman wang berpendapat ia sesuatu yang tidak adil, manakala orang yang meminjam wang berpendapat ia adalah sesuatu perlu dikuatkuasakan bagi menjaga kebajikan mereka.

Kebanyakan orang yang terlibat dalam memberi pinjaman wang adalah golongan Ceti India. Mereka merasakan rang undang-undang tersebut tidak adil kepada mereka. Golongan Ceti telah memberikan sumbangan yang besar kepada kerajaan Tanah Melayu dengan meminjam wang kepada pelabur-pelabur Eropah dan Cina untuk melabur dalam sektor perladangan, perlombongan dan sebagainya. Akibat pengenalan Rang undang-undang *Moneylenders*, telah menyebabkan kebanyakan orang Ceti telah menutup perniagaan mereka dan balik ke India kerana mereka merasakan pelaburan mereka di Tanah Melayu tidak selamat lagi. Kerajaan tidak harus memandang masalah dari sudut satu pihak sahaja tetapi dari sudut semua pihak sebelum membuat keputusan.

Salah satu akta yang telah dibincangkan secara hangat oleh S.O.K.Ubaidulla ialah pindaan akta Pendaftaran dan Perlesenan Perniagaan. Pindaan akta ini mempunyai kesan secara langsung kepada golongan peniaga. Dalam perbincangan akta ini S.O.K. Ubaidulla telah memberikan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam pindaan tersebut.

S.O.K.Ubaidulla juga telah memberi cadangan-cadangan yang membina tentang kemudahan pengangkutan kereta api Tanah Melayu. Cadangan-cadangan beliau adalah untuk menjaga kepentingan semua penduduk Tanah Melayu. S.O.K. Ubaidulla juga telah memperjuangkan kepentingan golongan pekerja kedai. Dari segi politik juga S.O.K. Ubaidulla telah memainkan peranan penting dalam perbincangan isu-isu yang berkaitan dengan kepentingan politik semua kaum.

Wakil Dewan Perniagaan India telah memberikan sumbangan yang banyak dalam perbahasan Majlis Legislatif . Wakil Dewan Perniagaan India pada tempoh masa yang dibincangkan ialah S.O.K.Ubaidulla. S.O.K.Ubaidulla bukan sahaja membela nasib kaum-kaum peniaga India di Majlis Legislatif tetapi juga telah memberikan sumbangan pendapatnya dalam pelbagai dasar-dasar dan rang undang-undang yang digubal oleh kerajaan yang melibatkan pelbagai perkara bagi menjaga kepentingan semua pihak.

Nota Hujung:

-
- ¹ Tan Ding Eing, Sejarah Malaysia dan Singapura, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd., 1979, hlm.288.
 - ² Ibid.
 - ³ Ibid.
 - ⁴ Golden Jubilee Associated Indian Chamber of Commerce & Industry 2001, Kuala Lumpur: Associated Indian Chamber of Commerce & Industry, 2001, hlm.22.
 - ⁵ B.Simandjuntak, Federalisme Tanah Melayu 1945-1963, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd., 1985, hlm.60.
 - ⁶ Ibid., hlm.61.
 - ⁷ Golden Jubilee Associated Indian Chamber of Commerce & Industry 2001, op.cit.
 - ⁸ Tamil Nesan, 13.11.1950, Vol. 5, No. 286, hlm.4.
 - ⁹ Ibid.
 - ¹⁰ The Federated Malay States Chamber of Commerce Year Book 1950, The Federated Malay States Chamber of Commerce, 1950 ,hlm.10.
 - ¹¹ Ibid.
 - ¹² Ibid.
 - ¹³ Ibid.
 - ¹⁴ Federation of Malaya, Proceedings of The Legislative Council of the Federation of Malaya for the Period (Fourth Session). February, 1951 to February, 1952, Kuala Lumpur: Government Printer, 1952, hlm.304.
 - ¹⁵ Ibid.
 - ¹⁶ Ibid.
 - ¹⁷ Ibid., hlm.305.
 - ¹⁸ Ibid.
 - ¹⁹ Ibid., hlm.306.
 - ²⁰ Ibid.
 - ²¹ Ibid.
 - ²² Ibid., hlm.115.
 - ²² Ibid., hlm. 306.
 - ²² Ibid.
 - ²³ Ibid., hlm.318.
 - ²⁴ Tamil Nesan, 14.12.1951, Vol.7, No.304, hlm.2.
 - ²⁵ Indian Daily Mail, 10.4.1952, Vol.8, No.60, hlm. 2.
 - ²⁶ Ramlah Adam, Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1998, hlm. 263.
 - ²⁷ Federation of Malaya Proceedings of Legislative Council of The Federation of Malaya For The Period. (Sixth Session). March, 1953 to January, 1954, Kuala Lumpur: Government Printer , 1954, hlm.113.
 - ²⁸ Fail P/PERN 1: Annual Report Registrar of Businesses 1948-1949, 1949, hlm.1.
 - ²⁹ Ibid.
 - ³⁰ Ibid.
 - ³¹ Ibid., hlm.3.
 - ³² Ibid., hlm..2.
 - ³³ Ibid.
 - ³⁴ Ibid.
 - ³⁵ Federation of Malaya Proceedings of Legislative Council of The Federation of Malaya For The Period. (Sixth Session). March, 1953 to January, 1954, op.cit, hlm.115.
 - ³⁶ Ibid.
 - ³⁷ Ibid.
 - ³⁸ Ibid., hlm.116.
 - ³⁹ Ibid., hlm.117.
 - ⁴⁰ Ibid.
 - ⁴¹ Ibid., hlm.620.

-
- ⁴² Ibid.
- ⁴³ Federation of Malaya, Proceedings of Legislative Council of The federation of Malaya For The Period, (Fifth Session), March, 1952 to January 1953, Kuala Lumpur: Government Printer, 1953, hlm.1953.
- ⁴⁴ Ibid., hlm.677.
- ⁴⁵ Ibid., hlm.678.
- ⁴⁶ Ibid., hlm.678.
- ⁴⁷ Federation of Malaya, Proceedings of Legislative Council of The federation of Malaya For The Period, (Seventh Session), March 1954 to January 1955, Kuala Lumpur:Government Printer, 1955, hlm.902.
- ⁴⁸ Ibid., hlm.903.
- ⁴⁹ Ibid.
- ⁵⁰ Ibid., hlm.904.
- ⁵¹ Ibid., hlm.908.
- ⁵² Ibid.
- ⁵³ Ibid.
- ⁵⁴ Ibid.
- ⁵⁵ Federation of Malaya, Proceedings of the Legislative Council of the Federation of Malaya: For the Period (First Session) February 1948 to February 1949, Kuala Lumpur: Government Printer,1949, hlm. B670.
- ⁵⁶ Ibid.
- ⁵⁷ Ibid., hlm.671.
- ⁵⁸ Ibid.
- ⁵⁹ Ibid.
- ⁶⁰ Federation of Malaya, Proceedings of the Legislative Council of the Federation of Malaya, For the Period (First Session) February, 1948 to February 1949, op.cit., hlm. B740.
- ⁶¹ Ibid., hlm.B741.
- ⁶² Ibid.
- ⁶³ Ibid.
- ⁶⁴ Ibid.
- ⁶⁵ Federation of Malaya, Proceedings of the Legislative Council of the Federation of Malaya, For the Period (First Session) February, 1948 to February 1949, op.cit., hlm. 443.
- ⁶⁶ Ibid.
- ⁶⁷ Federation of Malaya, Legislative Council Debates, Official Report of the Second Legislative council of the Federation of Malaya, For the Period (Second Session), Oktober, 1956 to August, 1957, Kuala Lumpur: Government Printer, 1957,hlm.2837.
- ⁶⁸ Ibid.
- ⁶⁹ Ibid.
- ⁷⁰ Ibid.

KESIMPULAN

Dewan-dewan Perniagaan India merupakan sebuah pertubuhan yang ditubuhkan oleh peniaga-peniaga, pedagang-pedagang dan saudagar-saudagar keturunan India untuk menjaga kepentingan dan kebajikan mereka disamping menjaga kepentingan orang India lain secara tidak langsung. Pedagang-pedagang India sudah lama mempunyai hubungan perdagangan dengan Kepulauan Melayu, iaitu berabad-abad sebelum kedatangan pedagang-pedagang China, Arab, dan Eropah.

Pada masa dahulu pedagang-pedagang India datang untuk tujuan perdagangan dan tidak bertujuan menetap di Tanah Melayu. Disamping perdagangan, mereka juga sebarkan kebudayaan dan ilmu pengetahuan di Kepulauan Melayu. Pedagang-pedagang India telah memainkan peranan penting semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka. Ada di antara mereka yang menjadi penasihat kepada sultan-sultan Melaka, sehingga ia menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pedagang-pedagang lain. Oleh itu boleh dikatakan pedagang-pedagang India mempunyai pengaruh ekonomi dan politik di kerajaan Melaka pada masa dahulu. Setelah Melaka ditakluki oleh Portugis kemudian Belanda menyebabkan pedagang-pedagang India kehilangan pengaruh mereka di Melaka. Pedagang-pedagang India yang menetap di Melaka pada masa itu telah mengahwini orang-orang tempatan dan berasimilasi dengan penduduk tempatan. Di antara mereka ialah golongan Ceti Melaka.

Semasa British menjajah Negeri-negeri Selat (NNS), iaitu Pulau Pinang, Melaka dan Singapura, pedagang-pedagang India mula datang secara beramai-ramai. Ini disebabkan kerana di bawah pentadbiran British, NNS menjadi pelabuhan-pelabuhan bebas. Ini telah menggalakkan perdagangan antarabangsa sehingga Singapura muncul sebagai salah sebuah pelabuhan bebas yang penting di dunia dan ia menjadi salah sebuah pelabuhan yang paling sibuk. Kepesatan perkembangan perdagangan telah menyebabkan pedagang-pedagang

India mula datang untuk mencari rezeki dan melabur di NNS. Apabila Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) menjadi negeri-negeri naungan British, pedagang-pedagang India dan pedagang-pedagang lain telah meluaskan perniagaan dan perdagangan ke negeri-negeri Melayu.

Pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, ramai imigran-imigran India telah datang ke Tanah Melayu untuk bekerja di ladang-ladang. Selain mereka peniaga-peniaga dan pedagang-pedagang India pun datang ke Tanah Melayu untuk memenuhi keperluan barang-barang makanan buruh-buruh India. Pada mulanya mereka mengimport barang-barang makanan, kain-kain dan lain-lain barang dari India untuk memenuhi permintaan orang-orang India di Tanah Melayu. Kemudian beransur-ansur mereka mula melibatkan diri dalam perniagaan yang dapat memenuhi keperluan barang-barang asas terutamanya barang makanan bagi kaum-kaum lain. Oleh itu bagi memenuhi keperluan tempatan mereka mula menjalankan perdagangan dengan negara-negara lain dan terlibat dalam perdagangan import dan eksport. Sebanyak 90% daripada perdagangan import dan eksport di antara India dan Tanah Melayu telah dikendalikan oleh peniaga-peniaga India.

Pada awalnya perniagaan dan perdagangan dalam negara atau luar negara telah dikendalikan oleh peniaga-peniaga India secara persendirian ataupun secara keluarga. Kemelesetan ekonomi yang berlaku di Tanah Melayu pada awal abad ke-20 telah menimbulkan kesedaran di kalangan peniaga-peniaga India untuk menujuhkan Pertubuhan Saudagar-saudagar India atau Dewan Perniagaan India bagi menjaga kepentingan, kebajikan dan hak-hak mereka. Dorongan untuk menujuhkan Dewan Perniagaan India didapati dengan melihat perkembangan dan kemajuan yang dicapai oleh saudagar-saudagar Eropah dan Cina melalui dewan-dewan perniagaan mereka. Pada awalnya Dewan Perniagaan India dinamakan sebagai Pertubuhan Saudagar-saudagar India.

Di kalangan orang India, golongan Chettiar atau Ceti merupakan golongan kaya dan terlibat dalam pelbagai kegiatan ekonomi seperti peniagaan, perladangan, pembankuan, pemodal dan sebagainya. Mereka bagi menjaga kepentingan dan kebajikan mereka telah menujuhkan Dewan Perniagaan mereka yang tersendiri yang digelar sebagai Dewan Perniagaan Chettiar.

Peniaga-peniaga, pedagang-pedagang dan saudagar-saudagar India lain telah menujuhkan Dewan Perniagaan India bagi menjaga kepentingan mereka. Dewan Perniagaan India boleh dianggotai oleh semua orang keturunan India tanpa mengira bahasa, agama ataupun daerah asal mereka di India. Dewan Perniagaan India pada awalnya hanya mementingkan kerjasama peniaga-peniaga India dalam negerinya sahaja. Apabila para peniaga-peniaga India menyedari bidang perniagaan dan perdagangan melibatkan banyak pihak dan tidak merangkumi sempadan tertentu, telah mewujudkan kerjasama dengan dewan-dewan perniagaan lain. Lama-kelamaan mereka merasakan perlu sebuah pertubuhan yang dapat mewakili semua perniaga-peniaga India di peringkat kebangsaan kerana telah timbul keperluan untuk memperjuangkan hak dan menjaga kepentingan para peniaga India kerana pelbagai dasar dan rang undang-undang yang diperkenalkan oleh kerajaan. Oleh itu mereka menujuhkan Gabungan Dewan Perniagaan India.

Dewan Perniagaan India yang mula-mula ditubuhkan di Tanah Melayu ialah Dewan Perniagaan India Pulau Pinang dan Dewan-dewan Perniagaan India yang lain ditubuhkan sebelum tahun 1957 ialah Selangor, Perak, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor. Setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan peniaga-peniaga India di negeri-negeri lain pun telah menujuhkan Dewan-dewan Perniagaan India di negeri masing-masing, iaitu di Labuan, Pahang, Terengganu dan Kedah. Pada masa ini semua Dewan-dewan Perniagaan India negeri adalah anggota dalam Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia. Pada hari ini, aktiviti-aktiviti Dewan-dewan Perniagaan India bukan sahaja meliputi perdagangan import dan eksport bahkan

juga perindustrian. Oleh itu Dewan-dewan Perniagaan India telah menukar nama mereka kepada Dewan Perniagaan dan Perindustrian India. Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Malaysia India tidak mempunyai bangunan mereka sendiri, tetapi mempunyai pejabat di bangunan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Kuala Lumpur dan Selangor.

Pada masa kini Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia menjadi ahli dalam Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (*The National Chamber of Commerce and Industry of Malaysia*) yang dianggotai juga oleh Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia dan Gabungan Dewan Perniagaan dan Perusahaan China Malaysia.

Dewan-dewan Perniagaan India (DPI) juga mengalami pelbagai masalah dan mencapai beberapa kejayaan dalam perjuagannya. Pada masa kemelesetan ekonomi, ramai ahlinya mengalami kerugian dalam perniagaan sehingga ada yang menutup perniagaan mereka. Pada masa itu DPI telah memberikan nasihat dan bantuan-bantuan teknikal kepada ahli-ahlinya supaya mereka dapat memulihkan perniagaan mereka. Selain itu DPI juga telah menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh ahli-ahlinya secara formal atau tidak formal.

Dewan Perniagaan India juga menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh ahli-ahlinya dengan pihak kerajaan Tanah Melayu dan juga India dalam perkara-perkara yang melibatkan perniagaan dan perdagangan antarabangsa. Ini meliputi dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan ekonomi seperti pengenalan cukai-cukai baru, pindaan cukai, cukai-cukai kastam, *levi* dan sebagainya.

Dewan-dewan Perniagaan India telah berjaya dalam permintaan mereka untuk menubuhkan sebuah cawangan bank dari India, iaitu Cawangan *Indian Overseas Bank*, menempatkan seorang Pesuruhjaya Perdagangan India di

Singapura dan sebagainya. Selain itu DPI juga telah dapat memperbaiki perkhidmatan kapal laut di antara Tanah Melayu dan India dengan mengemukakan aduan-aduan mereka kepada kerajaan India.

Semasa Pendudukan Jepun di Tanah Melayu, DPI masih dapat berfungsi walaupun tidak seaktif seperti sebelumnya. Dewan Perniagaan India Selangor dijadikan pusat pengedaran dan pengagihan makanan dan pakaian oleh pihak Jepun. Dewan-dewan Perniagaan India dalam tempoh masa ia ditubuhkan sehingga Pendudukan Jepun di Tanah Melayu, telah memantapkan dewan negeri masing-masing. Walaupun ianya baru ditubuhkan ia dapat berdiri teguh semasa Pendudukan Jepun dan terus berfungsi.

Dewan-dewan Perniagaan India dalam tempoh masa selepas Pendudukan Jepun sehingga Tanah Melayu merdeka telah mencapai beberapa kejayaan dan juga telah menghadapi pelbagai cabaran. Dewan-dewan Perniagaan India berjaya menuju Gabungan Dewan Perniagaan India dan menghantar seorang wakil mereka ke Majlis Legislatif Persekutuan. Cabaran-cabaran yang dihadapinya ialah beban cukai baru, pindaan dalam akta-akta atau cukai, pindaan dalam Ordinan Pendaftaran Perniagaan, pemberian kerakyatan dan sebagainya.

Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian India telah memainkan peranan penting dari segi ekonomi, ia membimbing peniaga-peniaga India di negara ini untuk maju dalam bidang perniagaan dan perdagangan. Dewan-dewan Perniagaan India seringkali mengadakan seminar-seminar, bengkel-bengkel dan sebagainya untuk menggalakkan orang-orang India melibatkan diri dalam bidang perniagaan. Dewan-dewan Perniagaan India juga sering menghantar wakil-wakil mereka untuk memberikan latihan-latihan, seminar-seminar dan bengkel-bengkel di peringkat daerah, membimbing orang India yang baru melibatkan diri dalam perniagaan, menolong mendapatkan pinjaman bank dan sebagainya.

Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian bukan sahaja bertanggungjawab menjaga kepentingan ahli-ahlinya, tetapi juga membantu kerajaan meningkatkan pelaburan swasta dalam mengukuhkan ekonomi negara. Oleh itu ahli-ahli Dewan Perniagaan dan Perindustrian selalu menyertai rombongan penggalakkan perdagangan ke luar negara yang dikelolakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menerokai pasaran-pasaran baru. Dengan cara ini mereka dapat melihat peluang-peluang pelaburan yang terdapat di negara-negara tersebut serta pengendalian perniagaan dan perindustrian negara tersebut.

Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian juga memainkan peranan yang penting dalam menjayakan rancangan-rancangan kerajaan dengan menyelaras aktiviti-aktivitnya dengan dasar kerajaan. Kerjasama Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian dengan pihak kerajaan adalah sangat penting dan melalui hubungan yang baik, Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian boleh memberikan syor-syor dan cadangan-cadangan baik demi kepentingan kedua-dua pihak.

Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian India juga menjalankan hubungan kerjasama yang baik dengan kerajaan. Ini akan memudahkan ahli-ahli DPI mengambil peluang-peluang perniagaan dan perindustrian yang terdapat dalam Rancangan-rancangan Malaysia. Sehingga kini boleh dikatakan Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India berjaya dalam mengintergrasikan dasar-dasar kerajaan berkaitan dengan perdagangan di kalangan para ahli-ahlinya di seluruh negara.

Dewan Perniagaan India juga telah memainkan peranan penting dari segi politik di kalangan orang India. Walaupun orang India mempunyai parti politik bagi mewakili mereka, tetapi ahli-ahli peniaga sebagai golongan kapitalis atau elit di kalangan orang India mempunyai pengaruh politik yang tersendiri. Dewan-dewan Perniagaan India mewakili orang India dengan mewakilkan ahli-

ahlinya dalam pelbagai badan-badan kerajaan yang mempunyai kepentingan ekonomi.

Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India pada masa kini mewakili komuniti peniaga-peniaga India Malaysia dalam pelbagai Jawatankuasa seperti Jawatankuasa ASEAN dan India, *Working Group On Malaysia and Taiwan*, Jawatankuasa Kerjasama Ekonomi Malaysia dan Thailand, Majlis Perniagaan Malaysia dan Indonesia, *National Poison Board* (Kementerian Kesihatan), *Authority Pelabuhan Kelang* dan sebagainya.

Dewan-dewan Perniagaan India negeri juga menganggotai pelbagai badan kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan awam. Di antaranya ialah Jawatankuasa Perundingan Pelabuhan, Jawatankuasa Pelancongan Negeri, Jawatankuasa *Trade and Commerce* Negeri, *Industrial Action Committee*, *Customs Liason Committee* dan sebagainya.

Wakil-wakil Dewan Perniagaan India juga mewakili golongan peniaga India dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan. Mereka dilantik berdasarkan kepentingan ekonomi dan kaum. Walaupun wakil-wakil Dewan Perniagaan India mewakili golongan peniaga India tetapi mereka juga mengambil berat tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan ekonomi, politik dan sosial semua kaum. Ini dapat diketahui daripada penglibatan aktif mereka dalam perbahasan-perbahasan yang diadakan di Majlis Mesyuarat Persekutuan.

Dewan-dewan Perniagaan India juga memainkan peranan penting dari segi sosial. Semasa zaman kemelesetan ekonomi, Dewan-dewan Perniagaan India telah membantu buruh-buruh India yang kehilangan pekerjaan. Dewan-dewan Perniagaan India telah menempatkan mereka di tempat-tempat tinggal sementara sehingga mereka dihantar balik ke India. Mereka juga dibekalkan dengan barang-barang keperluan mereka.

Dewan-dewan Perniagaan India juga telah menghulurkan bantuan bagi kerja-kerja amal. Ahli-ahli DPI selalu memberikan bantuan bagi kerja-kerja ibadat. Selain itu DPI juga memberikan bantuan kepada sekolah-sekolah. Pada masa dahulu, ia memberikan bantuan bagi sekolah-sekolah swasta atau persendirian yang dibiayai oleh badan-badan kebajikan. Selain itu mereka juga memberikan bantuan kewangan atau biasiswa kepada pelajar-pelajar miskin, memberikan bantuan pakaian seragam dan peralatan sekolah dan sebagainya terutamanya bagi sekolah-sekolah Tamil.

Dewan-dewan Perniagaan India juga menghulurkan bantuan bagi tabung kutipan derma dan kebajikan seperti mangsa banjir, kebakaran, peperangan dan sebagainya serta menderma dengan murah hati bagi kutipan-kutipan derma yang dianjurkan oleh kerajaan.

Walaupun Dewan-dewan Perniagaan dan Perusahaan India telah ditubuhkan lebih kurang lapan puluh tahun dahulu tetapi sehingga hari ini ia masih berfungsi dengan cemerlang dan telah mencapai kemajuan dan kejayaan-kejayaan yang membanggakan bagi golongan peniaga-peniaga India di Malaysia. Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian India juga telah memainkan peranan penting dari segi ekonomi, politik, dan sosial bagi pihak kaum peniaga India dan juga orang India lain dari awal penubuhannya sehingga sekarang.